

**Pak Lah: Kemenangan BN bukti rakyat tolak Anwar dan PKR**  
**Malaysiakini.com**  
**Apr 28, 2007**

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok hari ini membuktikan bahawa rakyat menolak Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan penasihatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pengundi di Ijok telah menunjukkan bahawa BN masih menjadi pilihan untuk membawa pembangunan kepada rakyat walau apapun yang diperkatakan Anwar sepanjang berkempen di kawasan itu.

"Mereka (PKR) telah buat segala-gala... dan Anwar Ibrahim berada di sana setiap hari ini... macam-macam (taktik) digunakan termasuk tuduhan terhadap (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri) Najib Tun Razak," katanya dalam temubual dengan RTM yang disiarkan secara langsung di televisyen malam ini.

Abdullah berkata, PKR cuba menjadikan Ijok sebagai contoh kononnya rakyat mahukan perubahan dan memilih parti pembangkang itu sebagai alternatif.

Bagaimanapun, Bernama melaporkan Perdana Menteri sebagai berkata, PKR ternyata hampa kerana BN tetap menjadi pilihan pengundi.

BN mengekalkan kerusi DUN Ijok apabila calonnya K. Parthiban, 39, menewaskan calon PKR Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dengan majoriti bertambah iaitu sebanyak 1,850 undi.

### **Keyakinan rakyat**

Abdullah berkata pengundi Ijok jelas tidak menghiraukan apa pun yang dikempenkan oleh Anwar dan sebaliknya mereka berpendirian tegas berpegang kepada jaminan kerajaan BN untuk membela mereka.

"Saya harap Parthiban akan jadi wakil rakyat yang lebih baik daripada wakil rakyat sebelumnya. Dia telah berjanji kepada saya bahawa dia akan menjadi wakil rakyat yang baik," kata Abdullah.

Pilihanraya kecil Ijok diadakan berikutan kematian Datuk K Sivalingam di Chennai, India pada 4 April lalu akibat sakit jantung. Dalam pilihanraya umum 2004, Sivalingam menang dengan majoriti 1,649 undi mengalahkan calon Keadilan dan seorang calon Bebas.

Mengenai undi majoriti yang bertambah, Perdana Menteri berkata ia mencerminkan keyakinan rakyat terhadap BN sebagai parti yang sedia berkhidmat demi kebaikan dan kemajuan negara.

"Saya ucap terima kasih kepada pengundi yang tunjukkan keyakinan mereka terhadap BN," kata Abdullah, sambil menegaskan bahawa demokrasi berparlimen terus subur di negara ini apabila rakyat membuat pilihan dengan keyakinan.